

Malaysia elak perangkap AS

NEW DELHI, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak mahu terperangkap dengan taktik Amerika Syarikat yang menggunakan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk melancarkan 'peperangan' dagangan terhadap Kesatuan Eropah (EC).

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga tidak rela melihat Washington 'memperkudakan' negara membangun dan kecil, misalnya di Asean, bagi memelihara kepentingannya di arena ekonomi antarabangsa.

Menurutnya, cara Presiden Bill Clinton menanganai Apec jelas menunjukkan bahawa negara lebih kecil tidak akan mampu bersuara jika berlaku sebarang ketidakadilan dalam pakatan kerjasama berkenaan.

"Malaysia tidak menghadiri sidang Apec di Seattle baru-baru ini kerana melihat cadangan Apec menubuhkan sekretariat sendiri sebagai usaha Amerika untuk memonopoli badan itu.

"Ini tidak adil kepada negara sedang membangun seperti Malaysia dan banyak negara lain," katanya menjawab soalan ahli perniagaan India pada sesi soal-jawab di majlis makan tengah hari anjuran Persekutuan Industri India (CII) di sini. Dr Mahathir sedang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke India.

Perdana Menteri berkata, itulah sebabnya Malaysia mencadangkan pen-



OVERSEAS TRIP

84 15 DEC 1993

Daripada
JAILANI HARUN
di New Delhi

bahan kumpulan ekonomi yang lebih sesuai, iaitu EAEC bagi membincang dan menghuraikan pelbagai masalah pembangunan ekonomi negara anggotanya, terutama di Selatan.

"Kita perlukan sebuah forum kerjasama yang kuat untuk mengimbangi EC demi memelihara kepentingan dua hala, tetapi Amerika Syarikat nampaknya mahu menggunakan Apec untuk kepentingannya sendiri.

"Kita tidak mahu dijadikan alat untuk tujuan itu," katanya.

Menjawab soalan Ahli Parlimen India, Pridam Singh, Dr Mahathir menjelaskan Malaysia menganggap alam semula jadi sebagai aset yang perlu dieksploit sebaik mungkin di bidang pembangunan, tanpa menjejaskan sifatnya.

Katanya, Malaysia mengamalkan dasar perhutanan yang dianggap terbaik di dunia walaupun ia turut menitikberatkan pembangunan sektor perindustrian dan pelancongan.

"Sebab itulah pelancong asing gemar datang

ke Malaysia kerana dapat menikmati suasana lebih nyaman di hotel dan pusat penginapan yang masih ada kerana ciri alam semula jadinya dkekalkan," katanya.

Menjawab soalan bekas Presiden CII, Manmohan Singh, beliau berkata program penswastaan Malaysia memberi banyak keuntungan bukan saja kepada kerajaan, malah syarikat awam yang diswastakan dan pekerjaannya.

Dengan cara itu, katanya, masalah karenah birokrasi bukan saja dapat dikurangkan, malah menggalakkan pekerja untuk meningkatkan mutu kerja kerana mereka turut ingin memelihara kepentingan syarikat melalui saham yang diperuntukkan.

Menurutnya, India juga boleh mencontohi modul penswastaan Malaysia dengan menyerapkan pegawai tingginya yang berpengetahuan di bidang korporat sebagai tenaga utamanya.

Sambil menyebut Telekom dan Projek Lebuh raya Utara-Selatan (Plus) sebagai antara yang ber-

jaya, Perdana Menteri berkata penswastaan tidak membenarkan majikan membuang pekerja atau mengurangkan gaji mereka, sebaliknya mereka diperuntukkan sejumlah saham bagi menjamin kepentingan pekerja sentiasa terpelihara.

Dr Mahathir juga berkata, industri kereta India boleh bergabung kepakaran dengan Malaysia, dengan harapan kereta mereka menembusi pasaran antarabangsa.

"Walaupun industri kereta India (Maruti) mengeluarkan 150,000 kereta setahun, ia tidaklah besar jika dibandingkan dengan 850 juta penduduknya. Ini berbeza dengan Proton yang mengeluarkan jumlah kereta yang sama setahun bagi 18 juta rakyat Malaysia," katanya.

Kepada soalan CII mengenai fungsi kerajaan ke atas firma swasta, beliau berkata kerajaan tidak berniat mencampuri urusan mereka, beberapa langkah diambil bagi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Menurutnya, dengan meningkatnya jenayah komersil di Malaysia sekarang, kerajaan meningkatkan pengawasannya ke atas firma tertentu, dengan bantuan kepakaran polis.

Beliau berkata, penebuan Suruhanjaya Sekuriti juga bertujuan mengawasi dan menyelesaikan sebarang masalah firma swasta, terutama yang disenaraikan di Bursa Saham.